



UNIT TENTERA  
JKR NEGERI SEMBILAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

## KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Kontraktor-kontraktor Gred 'G1' yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) Negeri Sembilan Darul Khusus yang mempunyai Sijil Taraf Bumiputra (STB) di bawah Kategori : B04 Pengkhususan : CE 21 yang masih lagi dibenarkan membuat kerja-kerja sebutharga adalah dipelawa untuk menyertai sebutharga ini :

SEBUTHARGA NO : JKR/UTNS/SH02/2022  
SEBUTHARGA : KERJA-KERJA SENGGAHAN DAN PEMBAIKAN BANGUNAN WORKSHOP SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN DI REJIMEN KEDUA KOR ARMOR DIRAJA, KEM SUNGGALA, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN.

2. Borang sebutharga boleh diperolehi dari Pejabat Unit Tentera JKR Negeri Sembilan, Port Dickson dengan menyertakan wang pos / wang kiriman pos / bank draf berharga RM 30.00 yang dibuat atas nama Ketua Akauntan Negara Malaysia –KKR-T semasa waktu pejabat. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebutharga ini hendaklah membawa surat pendaftaran Asal CIDB dan BPKU. Borang tawaran TIDAK akan dikeluarkan pada hari tawaran ditutup.

3. Dokumen sebutharga akan dikeluarkan dari tarikh 8.02.2022 hingga 23.02.2022 pada waktu-waktu berikut:

Isnin hingga Khamis : 8.15 pagi hingga 12.30 tengahari  
2.15 petang hingga 4.15 petang  
Jumaat : 8.15 pagi hingga 12.00 tengahari  
2.45 petang hingga 4.15 petang

4. 'Lawatan tapak' adalah diwajibkan kepada semua pemborong yang berminat pada 8.2.2022 (SELASA) pukul 10.00 pagi dan tempat berkumpul di UNIT TENTERA, JKR NEGERI SEMBILAN sebelum bergerak ke tapak KEM SUNGGALA PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN.

5. Borang sebutharga yang telah diisi dan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Bahagian Pentadbiran, Unit Tentera, JKR Negeri Sembilan Port Dickson tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada :


Tarikh : 23.02.2022

Hari : Rabu

6. Sampul sebutharga ini hendaklah dicatat tajuk sebutharga dan nombor fail berkenaan di sebelah kiri : SEBUTHARGA NO : JKR/UTNS/SH02/2022 dan di alamatkan kepada :

UNIT TENTERA, JKR NEGERI SEMBILAN  
KILOMETER 8, JALAN PANTAI, 71050 PORT DICKSON  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Saya yang menjalankan amanah,

  
ADIRATNA WIRA BIN ADNAN  
Ketua Unit  
Unit Tentera, JKR Negeri Sembilan

Tarikh : 27 Januari 2022

- s.k.
1. Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Port Dickson.
  2. Penguasa Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran Port Dickson.
  3. Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Port Dickson
  4. Papan Kenyataan JKR Port Dickson / Unit Tentera, JKR Negeri Sembilan
  5. Pusat Khidmat Kontraktor Negeri Sembilan Darul Khusus

PERHATIAN : SILA SERTAKAN SALINAN PPK & CIDB